

NAM akan keluar pendirian tolak hasrat kuasa besar — PM

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
18 FEB 2003
PUTRAJAYA 17 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) akan mengeluarkan pendirian tegas menolak hasrat kuasa besar hendak menjatuhkan kerajaan mana-mana negara yang mereka tidak gemari melalui tindakan ketenteraan.

Kata Perdana Menteri, peperangan tidak boleh dijadikan alat oleh kuasa besar untuk menentukan dasar masing-masing ke atas negara-negara yang lemah.

Tegas beliau lagi, Deklarasi

Kuala Lumpur yang akan dikeluarkan pada akhir Sidang Kemuncak Ke-13 NAM minggu depan, akan memastikan prinsip kuasa besar itu tidak diterima kerana amat membahayakan negara-negara lemah yang kebanyakannya menganggotai NAM.

Mengubah

“Kalau kita terima bahawa apabila terdapat kerajaan yang tidak disukai oleh mereka (kuasa besar), maka mereka berhak melanggar dan mengubah kerajaan itu, maka kita tidak selamat.

“Ini kerana kita tidak tahu bila mereka akan buat keputus-

an bahawa kerajaan sesebuah negara itu tidak sesuai dan perlu ditukar secara ketenteraan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika diwawancara dalam rancangan khas *Bersama PM Menjelang NAM* yang disiarkan oleh *Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)* melalui saluran *TV1* malam ini.

Pengarang Berita *Utusan Malaysia*, Zaini Hassan dan Pengarang Eksekutif *The Star*, Datuk Wong Chun Wai adalah panel dalam program sejam itu yang dipengerusikan oleh Pemangku Pengawal Berita TV RTM, Monshi Abdullah.

Perdana Menteri berharap semua 114 negara anggota NAM dapat bersetuju dengan deklarasi itu.

Ditanya pada tahap mana suara NAM akan didengar oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS), Dr. Mahathir mengakui pandangan pergerakan itu mungkin tidak dipedulikan sama sekali, jika dibuat bersendirian.

Bagaimanapun, tegasnya, dalam isu Iraq, seluruh dunia membantah tindakan perang terhadap negara itu dan sudah sewajarnya NAM juga menyertai bantahan tersebut.

■ Lihat muka 4

NAM akan keluar pendirian tolak hasrat kuasa besar — PM

Beliau mengakui NAM tidak mempunyai kekuatan ketenteraan mahupun kewangan untuk menentang kuasa besar, tetapi pergerakan itu boleh menyertai gerakan dunia menekan secara moral tentang buruknya penggunaan tentera untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

“Dengan menyertai gerakan ini (perjuangan), kita akan lebih berkesan walaupun dalam perkara lain kita mungkin kurang berkesan.

“Hakikatnya, kalau kita tidak ada NAM sama sekali dan kita tinggal berseorangan, masing-masing dengan pendirian berasingan maka keadaan akan jadi lebih buruk,” katanya.

Mengenai kemungkinan NAM bertegas termasuk menyingkir anggotanya yang menyokong tindakan AS ke atas Iraq, Perdana Menteri berpendapat, ia bukan cara yang bijak.

Walaupun mengakui agak kecewa dengan keputusan sesetengah negara anggota yang juga menjadi ahli

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berhubung pendirian berkenaan, masing-masing mempunyai alasan sendiri untuk berbuat demikian.

“Umpamanya mereka dulu diancam oleh Iraq dan untuk memujuk mereka supaya AS tidak bertindak terhadap Iraq adalah sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan nasional mereka.

“Jadi kita perlu ambil kira perkara-perkara ini,” katanya.

Dalam pada itu, tegas Dr. Mahathir, selaku pengerusi persidangan kali ini, Kuala Lumpur juga tidak mahu menimbulkan kontroversi atau pertentangan antara anggota NAM.

Ini kerana ia akan memecahbelahkan NAM dan mewujudkan kumpulan serpihan yang sudah tentu akan melemahkan pergerakan itu.

Oleh itu, menurut Dr. Mahathir, adalah lebih baik NAM mencari kata sepakat dalam mengambil sebarang pendirian.

“Walaupun keputusan itu tidak

sebegitu kuat tetapi yang penting ialah pendirian yang sama antara negara-negara NAM,” tegasnya.

Dalam wawancara itu, Perdana Menteri berkata, isu Iraq akan mendominasi persidangan NAM kali ini, malah isu keganasan juga akan dibincangkan dalam konteks krisis yang melanda Timur Tengah.

“Malaysia berpendapat kalau Iraq diserang, puak-puak tertentu akan mempunyai lebih banyak dorongan untuk bertindak ganas.

“Sebab itu kita tidak ingin melihat masalah Iraq ini menokok tambah sebab-sebab lain sedia ada yang menjadi punca berlaku keganasan,” katanya.

Mengenai cadangan penubuhan sekretariat NAM, beliau berkata, ia mungkin dapat diwujudkan secara tidak rasmi dan Malaysia bersedia menjalankan tanggungjawab berkenaan.